

Kempen FlexiCredit "Re-Engage" - Soalan Lazim

20 Februari 2026

Soalan	Jawapan
Apakah kempen ini?	Kempen GXBank FlexiCredit "Re-Engage" akan berlangsung dari 20 Februari 2026 hingga 20 Mac 2026 , atau sebaik sahaja Ganjaran Kempen telah mencapai Had Maksimum, atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh GXBank mengikut budi bicara mutlaknya (" Tempoh Kempen ").
Adakah saya layak untuk menyertai kempen ini?	Kelayakan Kempen: Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu terpilih GXBank seperti yang dinyatakan di bawah: - Individu yang telah menerima notifikasi daripada GXBank untuk memohon semula FlexiCredit mulai 20 Februari 2026 dan seterusnya; dan - Merupakan pelanggan GXBank sedia ada dengan Akaun Simpanan GX yang aktif. Untuk layak mendapat FlexiCredit, anda mesti memenuhi kriteria berikut: - Merupakan pelanggan GXBank sedia ada dengan Akaun Simpanan GX yang aktif - Merupakan warganegara Malaysia dengan MyKad - Berumur antara 21 dan 64 tahun - Mempunyai pendapatan bulanan minimum RM1,500 - Mempunyai pekerjaan bergaji. Jenis pekerjaan seperti suri rumah, pesara atau pelajar adalah tidak layak. Nota Penting: - Pastikan anda mempunyai dokumen pendapatan yang diperlukan untuk menyokong permohonan anda, contohnya penyata KWSP 2 tahun terkini (pekerja bergaji) atau penyata bank perniagaan 6 bulan terkini (bekerja sendiri). - Kelulusan permohonan FlexiCredit anda adalah berdasarkan penilaian terperinci profil dan kelayakan kredit anda. Memenuhi kriteria kelayakan sahaja tidak menjamin kelulusan. - Pekerja tetap dengan GXBank tidak layak untuk menyertai kempen ini.

Apakah ganjaran kempen dan bagaimanakah saya boleh memperolehnya?

Ganjaran Kempen

Ganjaran pulangan tunai sekali sahaja sebanyak RM20 apabila had FlexiCredit berjaya diaktifkan.

Ganjaran kempen adalah seperti berikut:

Ganjaran Kempen
Ganjaran pulangan tunai sekali sahaja sebanyak RM20 (" Pulangan Tunai ") akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak yang mengaktifkan had FlexiCredit mereka.

Kriteria Kelayakan:

- (a) anda mesti mempunyai Akaun GX sedia ada dalam kedudukan yang baik; dan
- (b) anda mesti memohon FlexiCredit, menerima kelulusan, dan berjaya mengaktifkan had FlexiCredit anda melalui aplikasi mudah alih GXBank

Ilustrasi kelayakan untuk Ganjaran Kempen:

No.	Ilustrasi	Kelayakan Ganjaran Kempen
1	Pelanggan A menerima notifikasi dan misi Permohonan Semula FlexiCredit dalam halaman "Ganjaran" mereka pada 20 Feb. Pelanggan A memohon FlexiCredit, menerima kelulusan, dan berjaya mengaktifkan had mereka pada 22 Feb.	Pelanggan A layak mendapat Ganjaran Kempen. Pelanggan melengkapkan semua tindakan yang diperlukan (Permohonan, Kelulusan Permohonan dan Pengaktifan had FlexiCredit) selepas mereka dimaklumkan dan dalam Tempoh Kempen.
2	Pelanggan B berjaya memohon dan mengaktifkan had FlexiCredit mereka pada 18 Feb. Pelanggan B menerima notifikasi dan misi Permohonan Semula FlexiCredit pada 20 Feb.	Pelanggan B tidak layak untuk Ganjaran Kempen. Pengaktifan FlexiCredit berlaku sebelum permulaan kempen ini.
3	Pelanggan C menerima notifikasi dan misi Permohonan Semula FlexiCredit pada 20 Feb. Pelanggan C memohon dan diluluskan untuk FlexiCredit pada 25 Feb, tetapi mereka tidak mengaktifkan had FlexiCredit mereka.	Pelanggan C tidak layak untuk Ganjaran Kempen. Untuk melayakkan diri mendapat ganjaran RM20, pelanggan mesti melengkapkan kitaran penuh: (Permohonan, Kelulusan Permohonan dan Pengaktifan had FlexiCredit) dalam Tempoh Kempen.
4	Pelanggan D menerima notifikasi dan misi Permohonan Semula	Pelanggan D tidak layak untuk Ganjaran Kempen.

		FlexiCredit pada 20 Feb dan memohon pada 21 Feb. Walau bagaimanapun, permohonan FlexiCredit Pelanggan D ditolak oleh GXBank.	Kelayakan menerima Ganjaran Kempen adalah bergantung kepada kejayaan kelulusan dan seterusnya, pengaktifan had FlexiCredit.
	5	Pelanggan E menerima notifikasi dan misi Permohonan Semula FlexiCredit pada 20 Feb dan memohon pada 21 Feb. Walau bagaimanapun, Pelanggan E hanya melengkapkan langkah pengaktifan terakhir selepas Tempoh Kempen tamat.	Pelanggan E tidak layak untuk Ganjaran Kempen. Ketiga-tiga langkah (Permohonan, Kelulusan Permohonan dan Pengaktifan had FlexiCredit) mesti dilengkapkan dalam Tempoh Kempen.
Bilakah saya akan menerima ganjaran kempen?	Ganjaran Pulangan Tunai sekali sahaja sebanyak RM20 selepas Pengaktifan Had FlexiCredit a. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke Akaun GX Pelanggan yang Layak dalam masa dua (2) hari selepas Pelanggan yang Layak berjaya mengaktifkan had FlexiCredit yang ditawarkan kepada mereka. b. Dalam kes yang luar biasa, ia mungkin mengambil masa sehingga dua (2) minggu untuk ganjaran pulangan tunai dikreditkan.		
Di manakah saya boleh mendapatkan terma dan syarat kempen penuh?	Anda boleh mendapatkan terma dan syarat penuh di sini: https://www.gxbank.my/campaign-tnc		
Siapakah yang boleh saya hubungi jika saya mempunyai soalan lanjut tentang kempen ini?	Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi Sokongan Pelanggan GXBank melalui sembang dalam Aplikasi GXBank. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di +603 7498 3188 atau menghantar e-mel kepada kami di ask@gxbank.my.		